



Ismail Sabri bergambar bersama atlet pada Majlis Penyerahan Jalur Gemilang kepada Kontinjen Malaysia ke Sukan Komanwel Birmingham 2022 di Kuala Lumpur semalam.

(Foto Aswadi Alias / BH)

# PM lontar cabaran atasi kutipan pingat edisi 2018

Berita Harian 20/7/2022 (Page 48)

Oleh Sukhairi Thani

sukhairi@nstp.com.my

**Kuala Lumpur:** Kontinjen negara ke Sukan Komanwel Birmingham 2022 diletakkan sasaran baharu enam pingat emas, kurang satu daripada sasaran asal dan pencapaian tujuh emas yang diraih pada edisi 2018 di Gold Coast, Australia.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mencabar kontinjen negara menandingi kutipan tujuh pingat emas, lima perak dan 12 gangsa pada edisi empat tahun lalu itu.

Menurutnya, beliau yakin ia mampu direalisasikan dengan membawa semangat Keluarga Malaysia dan Harimau Malaya.

“Saya dan seluruh Keluarga Malaysia berharap, kita dapat mencapai sasaran bilangan pingat sudah disasarkan oleh MOM (Majlis Olimpik Malaysia) di temasya sukan ini.

“Saya menaruh keyakinan amat tinggi bahawa sasaran pingat negara boleh menandingi kutipan tujuh emas yang dimenangi jaguh kita ketika Sukan Komanwel 2018 di Gold Coast, Australia.

“Justeru, atlet negara ke Birmingham harus membuktikan kepercayaan dan berjuang habis-habisan bagi menterjemahkan kejayaan yang bakal menjadi kebanggaan diri dan Keluarga Malaysia.

“Kalah menang adat pertandingan tetapi tunjukkan kepada

dunia semangat perjuangan anak Malaysia, semangat Harimau Malaya yang sebenar-benarnya.

“Kepada atlet Sukan Komanwel negara, bawalah harapan Keluarga Malaysia di Birmingham dan pulanglah bersama-sama pingat kemenangan untuk dihadiahkan kepada negara,” kata Ismail dalam ucapannya pada majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada kontinjen negara di sini, semalam.

**Sasaran pingat dikaji semula**

Kontinjen negara ke Birmingham disertai 162 orang merangkumi 105 atlet, 44 pegawai dan 13 kakitangan sekretariat.

MOM sebelum ini menyasarkan tujuh emas menerusi bad-

minton (dua emas) manakala gimrama, boling padang, angkat berat dan skuasy serta powerlifting masing-masing satu emas pada temasya yang akan berlangsung dari 28 Julai hingga 8 Ogos itu.

Bagaimanapun, sasaran pingat itu mahu dikaji semula susulan penarikan diri jaguh perseorangan badminton negara, Lee Zii Jia dan atlet skuasy wanita negara, S Sivasangari yang tidak dapat beraksi kerana terbabit dalam kemalangan.

Justeru, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu selepas majlis itu mengumumkan sasaran baharu kontinjen negara enam emas.